

03 JUN 2003

Zainuddin-Mahathir

DR MAHATHIR TUNAI JANJI UNTUK TEGAK BANGSA YANG DIHORMATI

KANGAR, 3 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menunaikan janjinya yang dibuat pada 1981 untuk menegakkan sebuah bangsa Malaysia yang dihormati, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini.

Menurutnya, kemajuan pesat yang dicapai dan kekuatan parti yang memerintah negara ini menyebabkan rakyat Malaysia telah dihormati oleh dunia.

Ketika membenteng kertas kerjanya pada Seminar Pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini, Zainuddin berkata janji yang telah dibuat oleh Dr Mahathir sejak beliau mula memegang jawatan Perdana Menteri telah dibuktikannya.

Zainuddin yang juga bekas wartawan berkata dalam satu wawancara yang disiarkan oleh akhbar Utusan Melayu pada 28 Jun 1981, Dr Mahathir berkata bahawa bangsa Malaysia akan dihormati kerana kemajuannya dan negara ini akan dihormati kerana kekuatannya.

Beliau masih ingat kata-kata Dr Mahathir ketika mula memegang jawatan Perdana Menteri pada 1981 yang berbunyi "tugas yang paling penting ialah untuk menyambung usaha menjadikan kita sebagai satu bangsa yang dihormati kerana kemajuannya dan kekuatannya".

Beliau juga menyifatkan Perdana Menteri sebagai jurutera teragung masyarakat kerana berupaya membina kekuatan bangsa Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum.

Mengenai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengambil alih teraju kepimpinan daripada Dr Mahathir, Zainuddin berkata, Timbalan Perdana Menteri mempunyai keupayaan yang besar untuk memberi keseimbangan yang mantap kepada kepimpinan negara.

Beliau percaya Abdullah mampu meneruskan melaksanakan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020 kerana Timbalan Presiden Umno itu adalah "darah daging" Umno dan jati diri Umno.

Seminar sehari yang dihadiri kira-kira 1,000 anggota Umno itu dirasmikan oleh Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Najib Razak.

-- BERNAMA

AD PR